

D764

B B548 AAB
MAHATHIR - UCAPAN
(I)
DARIPADA AMIN HUSAINI HARUN

KUWAIT, 29 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA MASYARAKAT DAN NEGARA-NEGARA ISLAM AGAR BERSEDIA MENERIMA PERUBAHAN, JIKA TIDAK MEREKA TIDAK AKAN MAMPU MEMPERTAHKAN DIRI SERTA AQIDAH MEREKA.

+KITA MESTILAH MENYEMARAKKAN HASRAT SEBUAH MASYARAKAT ISLAM YANG DINAMIK,+ TEGAS PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA DI SESI TERTUTUP PERSIDANGAN ISLAM KELIMA DI SINI MALAM TADI.

DALAM UCAPANNYA SELAMA 30 MINIT, PERDANA MENTERI MENYENTUH PELBAGAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMMAH TERMASUK SIKAP +TALAM DUA MUKA+ BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM, PELBAGAI PERTIKAIAN, PERLUNYA PENERIMAAN PERUBAHAN EKONOMI DAN TEKNOLOGI DAN PANDANGAN MALAYSIA MENGENAI SIDANG KEMUNCAK ITU.

UCAPAN ITU SEKIAN LAMA DITUNGGU-TUNGGU OLEH PARA HAKIL TETAPI KALI INI, TIDAK ADA NADA YANG KERAS YANG SERING TERDAPAT PADA UCAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENURUT SUMBER-SUMBER MALAYSIA, PERDANA MENTERI TELAH MENYIAPKAN UCAPAN YANG MENUNJUKKAN SIKAP +TERBUKANYA+ TETAPI TELAH MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN YANG MENGHASILKAN SATU UCAPAN YANG LEMBUT. - LAGI.

1747MST 29 01 87

D770

B B549 AAB
MAHATHIR - UCAPAN 2 KUWAIT
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ANGGAPAN BAHAWA CARA HIDUP ISLAM HANYA TERIKAT KEPADA TATA CARA +YANG DISURUH+ DAN +YANG DILARANG+ AKAN MENUTUP PINTU +IJTIHAD+ -- USAHA MENGEJAR PENGETAHUAN, MEMBUAT PENILAIAN DAN PENGHUJAHAN SEJAJAR DENGAN NILAI DAN PEMIKIRAN ISLAM.

BELIAU BERKATA DUNIA TELAH BANYAK BERUBAH DAN SETENGAHNYA ADALAH HASIL DARIPADA PETUNJUK YANG DIBAWA OLEH ISLAM KE DUNIA INI PADA MASA LALU.

BELIAU BERKATA JIKA ORANG ISLAM BERPENDAPAT MEREKA BELUM MENGAMBIL TEMPAT SEWAJARNYA DALAM DUNIA MODEN, MAKA +KITA PERLU MENYOROT KEMBALI USAHA KITA KE ARAH MENCAPAI KEMAJUAN EKONOMI DAN TEKNOLOGI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYARANKAN SUPAYA DIJALANKAN USAHA YANG LEBIH LUAS KE ARAH PERLAKSANAAN RANGKAIAN KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN. - LAGI.

1801MST 29 01 87

B B553 AAB
MAHATHIR - UCAPAN 3 KUWAIT
(I)

PERDANA MENTERI MENERIMA HAKIKAT BAHAWA IA MENGAMBIL MASA UNTUK MENJADI KENYATAAN TETAPI BELIAU MENEGASKAN BAHAWA IA PENTING DIHULAKAN SEKARANG.

DALAM ASPEK ITU ITU, KATANYA, MALAYSIA MENYANJUNGI USAHA KHAS TURKI SELAKU Pengerusi Jawatankuasa Petugas Mengenai Kerjasama Ekonomi dan Komersial.

MENGENAI POLITIK, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBIDAS MANIPULASI AGAMA UNTUK KEPENTINGAN NASIONALISMA YANG SEMPIT, DENGAN MERUJUK KEPADA PERANG IRAN-IRAQ.

+PERANG ITU MENJADI SATU GERGASI, SATU ALAT KE ARAH PENGHANCURAN MASYARAKAT ISLAM DAN KEPERCAYAAN MEREKA. KITA LIHAT DAN KITA TAHU PERANAN KUASA-KUASA BESAR DALAM MELANJUTKAN PEPERANGAN YANG MERUGIKAN.

+KITA TAHU MEREKA MAHU MELANJUTKAN PERANG ITU KERANA TUJUAN MEREKA SENDIRI IAITU MEMASTIKAN PERPECAHAN NEGARA ISLAM BERTERUSAN DAN MENCEGAH PENYELESAIAN MASALAH PALESTIN,+ KATANYA. -- LAGI
1820MST 29 01 87

D783

B B554 AAB
MAHATHIR - UCAPAN 4 KUWAIT
(I)

BELIAU MENYATAKAN KESAL TERHADAP BEBERAPA NEGARA ISLAM, WALAUPUN MENYEDARI HAKIKAT ITU, BERSUBAHAT DENGAN MUSUH-MUSUH BERKENAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENKRITIK SESETENGAH NEGARA ISLAM YANG MEMBANTAH WALAPUN JIKA SEINCI SEMPADAN MEREKA DICABULI, WALAUPUN MENDAKWA MEMPUNYAI HAK ISTIMEWA MENEPEKIPKAN SEMPADAN-SEMPADAN.

BELIAU MENGUTUK KEGIATAN SESETENGAH NEGARA ISLAM DAN UMAT ISLAM KERANA BERSUBAHAT DALAM PAKATAN UNTUK MENJATUHKAN PEMIMPIN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) ENCIK YASSER ARAFAT, SEDANGKAN MEREKA SEPATUTNYA MENYOKONG BELIAU UNTUK MENENTANG ISRAEL.

PERDANA MENTERI MENGGESA DIBERHENTIKAN +REBUTAN KUASA DAN PERBALAHAN+ DIKALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI ASIA BARAT DAN SEBALIKNYA MEMASTIKAN USAHA BERSAMA MENGEMBALIKAN RAKYAT PALESTIN KE TANAH AIR MEREKA DAN SETERUSNYA MENAMATKAN PENDUDUKAN YAHUDI DI BAITULMUQQDIS. -- LAGI
1822MST 29 01 87

D784

B B555 AAB
MAHATHIR - UCAPAN 5 KUWAIT
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMBUK BAIK KEMASUKKAN SEMULA MESIR KE DALAM OIC KERANA KEHADIRANNYA AKAN MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH PENCAPAIAN OBJEKTIF-OBJEKTIF PERTUBUHAN ITU.

KEANGGOTAAN MESIR DIGANTUNG SETELAH IA MENADATANGANI PERJANJIAN DAMAI KEM DAVID DENGAN ISRAEL.

MENGENAI REGIM APARTEID DI AFRIKA SELATAN, BELIAU MEMINTA SELURUH NEGARA ISLAM MEMUTUSAKN SEMUA HUBUNGAN DAGANGAN DAN EKONOMI DENGAN REGIM ITU DAN BERUSAHA MENJATUHKAN REGIM ITU.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA PENGHARGAAN MALAYSIA MENGENAI STATUS ISU ANTARTIKA DAN MASALAH DADAH DIMASUKKAN DALAM AGENDA SIDANG KEMUNCAK.

+HASIL PERSIDANGAN INI AKAN MENGUKUHKAN LAGI USAHA SUPAYA ANTARTIKA MENAJDI WARISAN MANUSIA SEJAGAT MANAKALA PENENTANGAN TERHADAP PENAGIHAN DADAH AKAN MEMBERI KESAN YANG LEBIH KETARA,+ KATANYA. - LAGI.
1823MST 29 01 87

D785

B 8556 AAB
MAHATHIR - UCAPAN 6 KUWAIT
(I)

MENGENAI ISU MORO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERTERIMAKASIH KEPADA OIC KERANA BERJAYA MENAMATKAN PERJUANGAN RAKYAT MORO DI FILIPINA.
+KITA BERHARAP KEDUA-DUA PIHAK (MORO DAN KERAJAAN FILIPINA) AKAN MEMATUHI PERJANJIAN (MENGENAI AUTONOMI KEPADA ORANG ISLAM) DAN MASALAH ITU DI DUNIA ISLAM DAPAT DIKELUARKAN DARIPADA AGENDA,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI SIDANG KEMUNCAK OIC, PERDANA MENTERI BERKATA IA MEMBAWA MANFAAT KEPADA UMMAH DAN NEGARA-NEGARA ISLAM, DAN IA MEMBAWA KEAMANAAN DAN PERPADUAN YANG BERKEKALAN.

+MALAYSIA AKAN MEMAINKAN PERANANNYA SELAKU SEBUAH NEGARA ISLAM TANPA MENYEBELAHI MANA-MANA PIHAK SERTA AKAN TERUS MENYOKONG PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM DALAM USAHANYA KE ARAH PERPADUAN ISLAM DAN KESEJAHTERAAN UMMAH,+ KATANYA. -- BERNAMA
1825MST 29 01 87